

## Kaedah Al Tikrar dalam Membantu Penguasaan Membaca Doa Harian dalam kalangan Kanak-Kanak Tadika

*Al-Tikrar Method in Helping the Kindergarten Children Mastering the daily Prayer Reading*

Nur Suaidah Hayati Abidin<sup>1\*</sup>, Azizah Zain<sup>2</sup>, Siti Nurshuhada Azman<sup>3</sup>, Rosni Mat Akil<sup>4</sup>

Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak, Fakulti Pembangunan Manusia,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, MALAYSIA

Tadika Ummu Falah, Sekolah Kebangsaan Sungai Lerek

[suaidahhayati97@gmail.com](mailto:suaidahhayati97@gmail.com)<sup>1</sup>, [azizah.zain@fpm.upsi.edu.my](mailto:azizah.zain@fpm.upsi.edu.my)<sup>2</sup>  
[Nrshuhada12@gmail.com](mailto:Nrshuhada12@gmail.com)<sup>3</sup> [rosniakil63@gmail.com](mailto:rosniakil63@gmail.com)<sup>4</sup>

**Published:** 28 June 2022

**To cite this article (APA):** Abidin, N. S. H., Zain, A., Azman, S. N., & Mat Akil, R. (2022). Al-Tikrar Method in Helping the Kindergarten Children Mastering the daily Prayer Reading. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15, 237-249. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol15.sp.21.2022>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/bitara.vol15.sp.21.2022>

### Abstrak

Artikel ini membincangkan mengenai “kaedah al tikrar dalam membantu penguasaan membaca doa harian dalam kalangan kanak-kanak tadika”. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan kanak-kanak dalam bacaan doa harian kaedah al-tikrar dan kaedah pengajaran biasa. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan. Pendekatan ini lebih memfokuskan kepada penggunaan quasi eksperimen bagi menguji kaedah al-tikrar. Quasi eksperimen membawa maksud kanak-kanak akan dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan (kaedah al-tikrar) dan kumpulan kawalan (pengajaran biasa). Hasil tinjauan yang dilakukan melalui kaedah quasi eksperimen ini seramai 24 orang kanak-kanak berumur 5 dan 6 tahun telah melibatkan diri. Kajian ini dilaksanakan untuk membantu guru mengenal pasti keberkesanan kaedah al-tikrar dalam mengajar bacaan doa harian kanak-kanak. Sampel kajian ini terdiri daripada 24 orang kanak-kanak dan 140 orang guru tadika yang menjawab soal selidik. Data kajian ini dianalisis secara deskriptif berdasarkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawaian. Dapatkan kajian menunjukkan kanak-kanak dapat menguasai penguasaan bacaan doa harian mereka dengan min 2.71. Tahap penguasaan kanak-kanak menggunakan kaedah al-tikrar adalah tertinggi iaitu 3.00. Dapatkan untuk pandangan guru terhadap keberkesanan penggunaan kaedah al-tikrar dalam bacaan doa harian kanak-kanak dengan min 4.57. Oleh itu, melalui kaedah al-tikrar ini dapat membantu dan memudahkan kepada kanak-kanak membaca doa dengan lancar. Sehubungan itu, kaedah al-tikrar ini juga boleh dilaksanakan dengan pelbagai cara seperti membaca secara berirama, secara bersama-sama, secara bergilir-gilir, berpusatkan kanak-kanak dan berpusatkan bahan.

**Kata kunci:** Al-Tikrar, Kumpulan Rawatan, Kumpulan Kawalan, Berulang-Ulang, Doa Harian

### Abstract

*This article discusses about "the repetition method in helping the mastery of daily prayers recitations among kindergarten children". This research literally intended to identify the level of mastery in reciting the daily prayers using the repetition method and ordinary method teaching. The design of this study was using the quantitative approaches and survey methods. These approaches were more focusing on the applications or uses of the Quasi experiments to test the repetition method. In fact, Quasi experiment means the children will be divided into 2 groups which the treatment group (using repetition method)*

*and the control group (using ordinary method teaching). There were 24 kindergarten children involved in gaining the result of the survey that conducted using the Quasi experiment. This study was conducted in order to help the teachers in identifying the effectiveness of repetition method in teaching the daily prayers for the kindergarten children. The sample of the study consisted of 24 kindergarten children and 140 kindergarten teachers who answered the survey given. The data of this study were analysed descriptively according to the frequency, percentage, mean and standard deviation. The findings of the study show that the kindergarten children able to master the daily prayers with a mean of 2.71. Meanwhile, the level of mastery of using the repetition method by the kindergarten children is the highest which 3.00. The findings of the teachers' perspectives regarding the effectiveness of using the repetition method in reciting the daily prayers achieved a mean of 4.57. Therefore, the repetition method able to help and ease the children in reciting the daily prayers smoothly. Hence, the repetition method can be implemented by various ways such as rhythmic, collectively, artenately, student-centered and materiacentered.*

**Keywords:** Al-Tikrar, Treatment Group, Control Group, Repetition, Daily Prayer

## PENGENALAN

Al-Tikrar berasal dari perkataan bahasa Arab yang mana ia didefinisikan sebagai pengulangan ataupun disebut dalam bahasa Inggeris sebagai “repetition” (melakukan sesuatu berkali-kali atau kerap). Al-Tikrar adalah satu keistimewaan dalam bahasa Arab kerana ia merupakan teknik atau gaya bahasa yang berbentuk pengulangan yang diistilahkan oleh para cendekiawan. Menurut Ibn al-Athir (1998:23) pengulangan secara umumnya terdiri dari dua bentuk iaitu bentuk yang pertama pengulangan kata (lafaz) dan maksud (makna) sementara bentuk kedua merupakan pengulangan maksud (makna) sahaja tanpa melibatkan kata.

Untuk memastikan penggunaan kaedah al-tikrar ini mendatangkan kesan yang lebih baik dan positif, haruslah melakukan dengan pelbagai cara yang boleh dilaksanakan iaitu membaca secara berrima, membaca secara berpasangan dan membaca secara hafalan. Berkemungkinan melalui cara tersebut dapat meningkatkan daya ingatan mereka terhadap bacaan seperti bacaan doa harian. Berhubung kaedah al-Tikrar ini, Saidatina Aisyah r.a meriwayatkan hadis yang bermaksud:

*“Rasulullah s.a.w suka mengulang ulang suatu perkara kepada para sahabat sehingga mereka mendapat sahaman yang sebenar”.*

Melalui hadis tersebut berlakulah beberapa soalan mengenai pengulangan yang dilakukan sebanyak berapa kali sehingga mendatangkan kesan yang baik. Bagaimana cara yang dilakukan agar tidak bosan semasa melakukan bacaan secara berulang. Oleh itu, Saidatina Aisyah r.a meriwayatkan sebuah lagi hadis yang bermaksud:

*“Rasulullah s.a.w mengucapkan tiga kali apabila bertutur dengan satu satut ayat dan kadangkala satu masalah yang diterangkan oleh Rasulullah s.a.w diulang sebanyak tiga kali agar para pendengar cukup jelas untuk memahaminya”.*

Namun, berdoa merupakan suatu tuntutan yang disunatkan dalam ajaran Islam kerana doa merupakan ibadah. Doa erti kata lain ialah menyeru, memanggil atau memohon pertolongan kepada Allah SWT atas segala sesuatu yang diinginkan. Seruan kepada Allah adalah dengan ucapan tasbih (*Subhanallah*), pujian (*Alhamdulillah*) dan istighfar (*Astaghfirullah*). Doa-doa harian adalah doa yang diamalkan dalam setiap aktiviti rutin sehari-hari yang mana amalan ini perlu diterapkan dalam kalangan kanak-kanak. Oleh itu, doa merupakan perkara yang paling penting dalam ibadah.

## PENYATAAN MASALAH

Antara masalah yang dihadapi adalah ibubapa yang tidak memberi penekanan terhadap bacaan doa harian kecuali doa makan. Hal ini membuatkan kanak-kanak tidak terdedah kepada doa harian yang ringkas dan mudah sehingga menyebabkan mereka tidak mengamalkan bacaan doa tersebut dalam kehidupan mereka sehari-hari. Kekangan masa juga membuatkan ibubapa kurang memberi perhatian apatah lagi untuk memberi penekanan kepada anak-anak tentang pentingnya berdoa. Ibubapa haruslah melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dalam dunia pendidikan anak-anak di peringkat awal persekolahan mereka agar dengan penglibatan ibubapa dapat mengetahui perkembangan anak-anak mereka semasa berada di sekolah dan di rumah. Melalui penglibatan ini, secara tidak langsung dapat membantu pendidik dan ibubapa untuk meningkatkan perkembangan dan kemahiran anak-anak terutamanya dalam kemahiran 4M. Anak-anak perlukan penglibatan ibubapa bagi meningkatkan motivasi diri dan kesungguhan untuk membentuk peribadi dan akhlak yang baik dan mulia.

Seterusnya ialah pendidik menggunakan pendekatan bacaan secara sekelas. Pendekatan ini perlu diubah kepada pendekatan yang bersesuaian kerana ia akan menyebabkan kanak-kanak yang lemah dalam bacaan akan ketinggalan ataupun mereka membaca doa dengan mengikut cara bacaan kawan walaupun bacaan yang dibaca kurang jelas dan mempunyai kesalahan. Dalam (KSPK, 2017), terdapat beberapa pendekatan yang bersesuaian untuk diterapkan kepada kanak-kanak mengikut kemampuan dan kebolehan mereka. Antara pendekatan yang bersesuaian dengan pengajaran membaca doa secara ulang adalah pendekatan bersepada. Pendekatan ini adalah pendekatan yang menggabungjalin dua atau lebih kemahiran yang perlu dikuasai murid dalam satu masa. Melalui pendekatan yang diterapkan ini dapat membantu anak-anak untuk memahami dan membezakan hakikat kehidupan sebenar dan dongeng. Dalam kehidupan sebenar sesuatu itu saling berkait rapat antara satu sama lain dan bukannya sesuatu yang terpisah-pisah. Selain daripada itu, guru hendaklah menggunakan pengalaman sehari-hari murid dalam proses (PdP). Seperti kita ketahui, bacaan doa harian mereka adalah berkaitan dengan kehidupan sehari-hari mereka.

Masalah yang ketiga ialah kanak-kanak di tadika yang tidak berkonseptan Islam kurang mengetahui cara membaca doa dengan betul dan jelas. Sebagai seorang guru haruslah mengambil berat terutama kanak-kanak yang berlainan agama dengan memberi pendedahan awal sedikit demi sedikit mengenai doa harian. Berkemungkinan kanak-kanak pada mulanya kanak-kanak bukan Islam merasa asing untuk mempelajari namun, sokongan daripada ibubapa, guru dan rakan-rakan menyebabkan mereka melibatkan diri.

## OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan utama kajian ini adalah:

- 1) Mengenal pasti tahap penguasaan kanak-kanak dalam membaca doa harian.
- 2) Mengenal pasti tahap penguasaan hafazan kanak-kanak membaca doa harian dengan menggunakan kaedah al-Tikrar.
- 3) Mengenal pasti pandangan guru dalam tentang keberkesanan kaedah al-Tikrar dalam mengajar bacaan doa harian.

## **KAJIAN LITERATUR**

### **Teori-teori Kajian**

#### **Teori Skemata Piaget**

Antara teori pertama yang dapat dikaitkan adalah teori skemata. Menurut para ahli skemata membaca merupakan satu proses kepada pembaca untuk mendapatkan maklumat dan pengetahuan awal. Namun begitu, secara tidak langsung melalui bacaan yang dibaca oleh pembaca dapat membantu mereka untuk membandingkan pengetahuan awal dan pengetahuan yang baru. Pembaca membandingkan latar belakang pengetahuan yang sedia ada dengan berbagai kefahaman ketika membaca sebuah informasi atau petikan. Skemata berfungsi sebagai satu alat dimana ia dapat membantu pembaca untuk memahami petikan, teks atau ayat yang dibaca dengan lebih jelas. Pembaca juga dapat berinteraksi serta menginterpretasikan makna teks yang terkandung secara struktur.

Teori skemata yang mendasari kajian dipilih kerana ia bersesuaian dengan kaedah altikrar yang mana kanak-kanak dapat mengingati dan menyimpan segala bacaan doa harian yang dibaca secara berulang kali dengan baik. Secara tidak langsung kanak-kanak juga dapat mengaitkan setiap bacaan doa harian mereka dengan aktiviti dan kelakuan mereka pada setiap hari. Doa yang diterapkan kepada kanak-kanak adalah berdasarkan kepada aktiviti harian mereka. Sehubungan itu, melalui bacaan secara berulang-ulang kanak-kanak dapat meningkatkan kognitif mereka dengan memahami setiap ayat yang dibaca dengan menggunakan baris yang betul. Hal ini demikian teori yang dipilih adalah selari dengan kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji.

#### **Teori Kecerdasan Pelbagai**

Teori seterusnya yang bersesuaian dengan kajian adalah teori kecerdasan pelbagai. Teori kecerdasan pelbagai ini diasaskan oleh Gardner. Menurut Gardner (1991), pendidikan yang berasaskan kepelbagaian kecerdasan lebih berkesan berbanding pendidikan yang menekankan kepada dua kecerdasan asas iaitu kecerdasan verbal-linguistik dan kecerdasan logik-matematik. Namun, teori ini juga di sokong oleh teori pembelajaran kognitif Gagne (1985), Piaget (1957) dan Ausubel (1968). Mengikut teori pembelajaran kognitif, manusia memiliki struktur kognitif semasa proses pembelajaran. Oleh itu, otak akan menyusun segala maklumat di dalam ingatan. Di dalam kajian Norizah Binti Tukiman & Abu Bakar bin Nordin & Zaharah Hussin (2014) menyatakan secara ringkas, mengamalkan nilai-nilai Islamiah dalam kehidupan seharian untuk kanak-kanak beragama Islam merupakan tuntutan dalam kurikulum Pendidikan Islam (KSPK). Bahagian Pembangunan Kurikulum telah menentukan bahawa hafalan ayat-ayat suci Al Qur'an seperti Surah Al-Fatihah, Surah Al-Falaq, Surah Al-Ikhlas, Surah an Nas, dan doa-doa seperti doa memakai pakaian, doa sebelum dan selepas makan, doa ibubapa, doa keluar dan masuk tandas, dan doa memulakan perjalanan merupakan asas dan permulaan kepada proses penerapan nilai Islamiah (Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (2010).

Dalam kajian Norizah Binti Tukiman & Abu Bakar bin Nordin & Zaharah Hussin (2014) menyatakan bukti bahawa teori kecerdasan pelbagai ini bersesuaian dengan Pendidikan Islam dimana pengajaran dan pembelajaran ini menggunakan langkah-langkah yang bersesuaian dalam bentuk aktiviti yang dikategorikan secara berulang-ulang. Hasil kajian tersebut membuktikan kanak-kanak dapat memahami dan mengaplikasikan bacaan mereka melalui aktiviti yang menyeronokkan. Sekiranya teori kecerdasan pelbagai ini diaplikasikan dalam kemahiran menghafaz bagi subjek Pendidikan Islam, proses pengajaran dan pembelajaran juga akan lebih mudah dan menyeronokkan. Berkemungkinan melalui teori tersebut dapat memberi kesan dalam jangka masa yang panjang seperti yang diharapkan oleh pembaca.

## KAJIAN LEPAS

### Kajian Lepas Dalam Negara

Berdasarkan kepada dapatan kajian yang terkandung di dalam kajian Azizah Zain (2010) membuktikan bahawa penggunaan bacaan berulang ini dapat meningkatkan kelancaran membaca kanak-kanak. Pengumpulan data dilakukan melalui kaedah kuantitatif dimana kajian menggunakan quasi eksperimen (kumpulan kawalan) dan (kumpulan rawatan) bagi melengkapkan proses pengumpulan. Hasil daripada pengumpulan data kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak perlu diterapkan dengan kaedah berulang-ulang dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Seperti mana yang kita ketahui, pada masa kini guru dan ibu bapa lebih mementingkan kepada penguasaan membaca malah dari aspek kelancaran kanak-kanak tidak lagi ditekankan. Hal ini demikian berkemungkinan guru dan ibubapa beranggapan sekiranya kanak-kanak dapat membaca mereka akan menguasai kemahiran membaca namun anggapan tersebut adalah salah kerana kanak-kanak perlu ditekankan dengan kemahiran kelancaran dengan pelbagai kaedah seperti bacaan berulang-ulang, bacaan berirama, belajar sambil bermain dan sebagainya.

Sehubungan itu, kajian daripada Zainiah Mohamed Isa (2012) menjelaskan kesan bacaan berulang dalam kalangan kanak-kanak. Hasil dapatan kajian ini membuktikan bahawa melalui kaedah al-tikrar atau bacaan berulang mendatangkan kesan kepada pembaca dan kanak-kanak. Buktinya, pencapaian kefahaman kanak-kanak dalam bacaan mereka diperoleh adalah signifikan yang mana kumpulan rawatan (bacaan berulang-ulang) semakin meningkat mengikut intervensi bacaan berulang yang dijalankan. Jelas disini bahawasanya penggunaan kaedah bacaan berulang-ulang dalam bacaan doa harian mahupun buku cerita bersesuaian untuk dilaksanakan diterapkan kepada kanak-kanak peringkat awal persekolahan.

### Kajian Lepas Luar Negara

Dalam kajian (Nur Azizah, 2019) juga membincangkan mengenai pembahagian al-Tikrar dimana ia dua bahagian iaitu Al-Tikrar al-Lafzi (pengulangan ayat dalam al-Quran baik berupa huruf-huruf, kata ataupun kalimat) dan Al-Tikrar al-Ma'awi (pengulangan ayat di dalam al-Quran yang mana lebih menitikberatkan makna dan maksud tujuan setiap pengulangan ayat tersebut). Oleh itu, menurut kajian yang dikaji dalam kitab *Mukhtasar fi Qawa'id al-tafsir* terdapat beberapa kaedah yang berhubungan dengan al-Tikrar dalam bacaan al-Quran. Seperti mana yang kita ketahui, doa harian yang dibaca dan diamalkan oleh setiap orang adalah potongan daripada ayat al-Quran. Namun, kajian ini yang dijalankan oleh pengkaji adalah bersesuaian dengan kajian yang dilaksanakan oleh (Nur Azizah, 2019) ini yang mana ia terdapat beberapa kaedah al-Tikrar yang bersesuaian untuk digunakan dalam al-Quran. Secara tidak langsung dapat diterapkan kepada kanak-kanak bagi menggalakkan mereka membaca doa harian.

Namun, dalam kajian ini juga ada membincangkan mengenai manfaat penggunaan al-Tikrar. Kaedah al-Tikrar adalah sebagai penegasan dan perhatian yang lebih terhadap apa yang dibaca. Sebagai contoh, pendidik menegaskan kepada kanak-kanak supaya membuat bacaan berulang terhadap bacaan doa harian mereka kerana ia mempunyai makna dan fungsi tersendiri. Tujuan kaedah al-Tikrar yang diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran adalah untuk membantu kanak-kanak menguasai pembacaan dan meningkatkan kelancaran membaca mereka. Secara tidak langsung dapat membantu kanak-kanak memahami setiap bacaan doa harian mereka. Seperti mana terdapat firman Allah swt dalam surah al-Mu'min (al-Ghafir: ayat 30-32). Lafaz "ya qaumi" pada ayat tersebut membawa maksud bahawa mengingatkan kepada kaummu tentang ajakan Nabi Musa agar memahami apa yang disampaikan. Hal ini demikian, bersesuaian dengan kaedah yang digunakan oleh pendidik dimana ia menegaskan kepada kanak-kanak tentang kaedah al-Tikrar bagi membantu mereka memahami dan menguasai bacaan mereka.

## METODOLOGI

### Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Kaedah tinjauan telah digunakan untuk mendapatkan maklumat dan menjawab objektif kajian. Dalam kajian ini sampel kajian dipilih secara rawak. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan quasi eksperimen pada objektif 1 dan 2. Manakala untuk objektif 3 menggunakan soal selidik yang diedarkan kepada guru-guru yang mengajar di tadika.

### Sampel Kajian

Sampel kajian ini dipilih secara rawak yang melibatkan 24 orang kanak-kanak yang berumur 5 dan 6 tahun untuk quasi eksperimen dan 140 orang guru tadika yang menjawab soal selidik. Soal selidik diedarkan kepada 220 orang guru namun hanya 140 orang guru sahaja yang menjawab soal selidik yang diedarkan. Oleh itu, berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970), hanya seramai 140 sampel terlibat dalam kajian ini.

### Instrumen

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah senarai semak dan soal selidik yang diubahsuai daripada kajian lepas dan telah mendapat kesahan pakar. Senarai semak ini digunakan untuk quasi eksperimen selama 4 minggu, pretest dan postest. Di dalam senarai semak mempunyai tahap skor yang berbeza antara quasi eksperimen, pretest dan postest. Namun, soal selidik pula dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A: Maklumat Responden dan Bahagian B: Pandangan guru tentang keberkesanan kaedah al-tikrar dalam mengajar membaca doa harian. Ianya turut mengandungi 5 item di bahagian A dan 10 item di bahagian B. Item-item di bahagian B menggunakan lima skala jenis likert antaranya 1 untuk (Sangat Tidak Setuju) dan 5 untuk (Sangat Setuju). Skor ini dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS ver 20.0.

## DAPATAN KAJIAN

### Tahap Penguasaan Kanak-kanak Dalam Membaca Doa Harian

**Jadual 4.3.1.1:** Tahap Penguasaan Kanak-Kanak Dalam Membaca Doa Harian

Skor	Item	Peratus (%)	Min
1.	Kanak-kanak mengenali huruf hijayyah dan penggunaan baris.	4.2	0.04
2.	Kanak-kanak membaca dengan merangkak rangkak, membaca dengan berfikir untuk menyebut sesuatu huruf, berhenti pada sesuatu tempat yang tidak sepatutnya berhenti, tidak melakukan sebutan sekiranya pendidik tidak membantu, membaca satu persatu huruf tanpa menghiraukan baris dan kurang keyakinan untuk menyebut secara jelas	20.8	0.42
3.	Kanak-kanak dapat membaca dengan lancar dan jelas dengan menggunakan makhraj huruf yang betul.	75.0	2.25
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>100</b>	<b>2.71</b>

(PRETEST).

Jadual 4.3.1.1 menunjukkan nilai min skala, kekerapan dan peratus daripada tahap penguasaan kanak-kanak dalam membaca doa harian mereka bagi menentukan kedudukan kanak-kanak di dalam kumpulan yang dibahagikan. Nilai min keseluruhan yang diperolehi oleh responden menggambarkan tahap penguasaan yang dimiliki oleh kanak-kanak mengikut skor yang telah ditetapkan. Min skala keseluruhan bagi tahap penguasaan kanak-kanak dalam membaca doa harian mereka bernilai 2.71. Pada skor 1 peratus yang diperolehi adalah 4.2% bersamaan min 0.04. Bagi skor 2 sebanyak 20.8% dan min 0.42 manakala skor 3 mendapat 75% dengan min skala 2.25. Namun begitu, responden tertinggi adalah mencapai skor 3 dan responden yang paling rendah mencapai skor 1.

#### **Tahap Penguasaan Hafazan Kanak-Kanak Membaca Doa Harian Dengan Menggunakan Kaedah Al-Tikrar**

Bagi membantu meningkatkan bacaan doa harian kanak-kanak dengan lebih baik dan mendatangkan kesan positif kepada mereka adalah dengan menggunakan kaedah al-tikrar. Skor pada dapatan 1 dan 2 adalah berbeza kerana pada dapatan kajian 1 kanak-kanak melakukan pretest manakala pada dapatan kajian 2, kanak-kanak melakukan ujian selama 4 minggu. Sehubungan itu, kanak-kanak telah dibahagikan kepada dua kumpulan berdasarkan kepada pretest yang dilakukan dengan melihat tahap skor yang diperolehi oleh kanak-kanak.

**Jadual 4.3.2.1:** Tahap Penguasaan Hafazan Kanak-Kanak Membaca Doa Harian Dengan Menggunakan Kaedah Al-Tikrar (Minggu 1)

Skor	Item	Kumpulan Rawatan		Kumpulan Kawalan	
		Peratus (%)	Min skala	Peratus (%)	Min skala
1.	Kanak-kanak membaca dengan melihat ayat.	41.67	0.42	75.00	0.75
2.	Kanak-kanak membaca dengan sekali sekala melihat kepada ayat.	50.00	1.00	25.00	0.50
3.	Kanak-kanak membaca doa harian dengan lancar tanpa melihat ayat.	8.33	0.25		
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>100</b>	<b>1.67</b>	<b>100</b>	<b>1.25</b>

Jadual 4.3.2.1 menunjukkan nilai analisis data pada minggu 1 bagi tahap penguasaan hafazan kanak-kanak membaca doa harian dengan menggunakan kaedah yang ditetapkan. Berdasarkan kepada nilai min keseluruhan yang paling tinggi adalah kumpulan rawatan bernilai 1.67 manakala kumpulan kawalan adalah 1.25. Sehubungan itu, peratusan yang paling tinggi bagi kumpulan rawatan adalah kanak-kanak dapat mencapai skor 2 iaitu 50% bersamaan 1.00 min dan peratusan paling rendah adalah skor 1 iaitu 8.33% mempunyai nilai min 0.25. Namun begitu, peratusan bagi kumpulan kawalan yang paling tinggi adalah kanak-kanak mendapat skor 1 dengan peratusan 75% bersamaan dengan 0.75. Didapati pada skor 3 kanak-kanak masih lagi belum mencapai.

**Jadual 4.3.2.4:** Tahap Penguasaan Hafazan Kanak-Kanak Membaca Doa Harian Dengan Menggunakan Kaedah Al-Tikrar (Minggu 4)

Skor	Item	Kumpulan Rawatan		Kumpulan Kawalan	
		Peratus (%)	Min skala	Peratus (%)	Min skala
1.	Kanak-kanak membaca dengan melihat ayat.			41.67	0.42
2.	Kanak-kanak membaca dengan sekali sekala melihat kepada ayat.	25.00	0.50	25.00	0.50
3.	Kanak-kanak membaca doa harian dengan lancar tanpa melihat ayat.	75.00	2.25	33.33	1.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>100</b>	<b>2.75</b>	<b>100</b>	<b>1.58</b>

Jadual 4.3.2.4 menunjukkan analisis data untuk minggu terakhir melakukan pemerhatian. Berdasarkan kepada analisis data yang dicatatkan, nilai keseluruhan min yang paling tinggi bagi kedua-dua kumpulan adalah 2.75 yang diwakili oleh kumpulan rawatan. Min keseluruhan bagi kumpulan kawalan adalah 1.58. Hal ini demikian kerana masih ramai kanak-kanak yang mendapat skor 1 dengan nilai peratusan 41.67 bersamaan nilai min 0.42. Ini menunjukkan bukti bahwasanya kanak-kanak tidak dapat membaca doa harian mereka tanpa melihat ayat dengan sekali sekala atau tanpa melihat ayat secara menyeluruh. Berbanding dengan kumpulan rawatan didapati kanak-kanak boleh mencapai skor 2 dan 3 sahaja. Bagi kumpulan rawatan peratusan yang paling tinggi adalah 75% bersamaan min 2.25 dan peratusan paling rendah adalah 25% dengan 0.50 min sahaja.

**Jadual 4.3.2.6:** Keseluruhan Min Skala Mengikut Minggu

Item	Kumpulan Rawatan			Kumpulan Kawalan		
	Skor			Min Skala		
	1	2	3	Keseluruhan	1	2
Minggu 1	5	6	1	1.67	9	3
Minggu 2	5	4	3	1.83	8	3
Minggu 3	2	6	4	2.17	7	3
Minggu 4		3	9	2.75	5	3
Postest			12	3.00	3	5
					4	2.08

Jadual 4.3.2.6 menunjukkan min skala keseluruhan bagi quasi eksperimen selama 4 minggu. Berdasarkan kepada jadual tersebut min skala keseluruhan yang paling tinggi adalah 3.00 merujuk kepada item postest pada kumpulan rawatan manakala postest kumpulan kawalan didapati masih ramai yang belum mencapai skor 3. Kumpulan rawatan adalah diwakili oleh kaedah al-tikrar. Sebagaimana yang kita ketahui, pengkaji telah melakukan kajian berkaitan dengan kaedah al-tikrar iaitu kaedah berulang-ulang. Hasil pemerhatian yang dilakukan selama 4 minggu pengkaji mendapati kanak-kanak kumpulan rawatan secara keseluruhannya dapat menguasai bacaan doa harian mereka tanpa melihat ayat. Namun, min skala keseluruhan yang paling rendah adalah 1.25 yang merujuk kepada item minggu 1 pada kumpulan kawalan. Item minggu 3 dan 4 yang mewakili kumpulan kawalan didapati tidak berlaku perubahan pada min skala keseluruhan iaitu 1.58.

### Pandangan Guru Dalam Tentang Keberkesanan Kaedah Al-Tikrar Dalam Mengajar Bacaan Doa Harian

Dapatan 3 ini membincangkan mengenai soal selidik berkaitan dengan pandangan guru terhadap keberkesanan kaedah al-tikrar dalam mengajar bacaan doa harian selama 4 minggu. Sehubungan itu, soal selidik ini terdiri daripada 10 soalan berkaitan dengan kaedah al-tikrar dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak terutama pada cara bacaan doa harian mereka. Responden kepada soal selidik ini terdiri daripada guru-guru yang mengajar di peringkat tadika dan responden diminta untuk memilih jawapan mengikut skala yang diberikan iaitu skala 1 sangat tidak setuju, skala 2 tidak setuju, skala 3 tidak pasti, skala 4 setuju dan skala 5 sangat setuju.

**Jadual 4.3.3.1:** Pandangan Guru Dalam Tentang Keberkesanan Kaedah Al-Tikrar Dalam Mengajar Bacaan Doa Harian.

Item	Min S.P	
Kaedah Al-Tikrar sentiasa digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran terutama dari segi bacaan doa harian dan al-Quran	4.48	0.91
Kaedah Al-Tikrar dapat meningkatkan daya ingatan kanak-kanak terhadap doa harian mereka.	4.57	0.84
Penggunaan Kaedah Al-Tikrar dapat membantu kanak-kanak menghafal doa harian mereka	4.55	0.88
Penggunaan Kaedah Al-Tikrar dapat membantu kanak-kanak menghafal doa harian mereka	4.45	0.90
Kaedah Al-Tikrar dapat membantu meningkatkan penguasaan kanak-kanak dalam sebutan makhraj.	4.44	0.88
Kaedah Al-Tikrar mendatangkan kesan positif kepada kanak-kanak	4.34	1.07
Penggunaan Kaedah Al-Tikrar perlu diterapkan sejak kanak-kanak di peringkat TASKA	4.33	0.96
Kaedah Al-Tikrar seringkali dilaksanakan setiap sesi pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak	4.54	0.86
Penggunaan Kaedah Al-Tikrar dapat membantu kanak-kanak memahami bacaan doa harian yang dibaca	4.43	0.91

Berdasarkan kepada jadual 4.3.3.1 menunjukkan dapatan kajian berdasarkan kepada pandangan guru tentang keberkesanan kaedah al-tikrar dalam mengajar bacaan doa harian. Item yang mempunyai min paling tinggi adalah item 2 iaitu kaedah al-tikrar dapat meningkatkan daya ingatan kanak-kanak terhadap doa harian mereka dengan nilai min sebanyak 4.57 (S.P - 0.84). Seramai 97 orang responden memilih sangat setuju bersamaan 69.3% dengan pernyataan tersebut. Peratus bagi skala setuju pula adalah 25.7% iaitu seramai 36 orang yang bersetuju dengan item 2. Bagi skala tidak pasti mendapat 1.4% iaitu 2 orang dan sangat tidak setuju adalah 3.6% bersamaan 5 orang. Oleh itu, pengkaji mendapati perkara ini tidak mempunyai maklum balas daripada responden terhadap jawapan tidak setuju. Dapat disimpulkan bahawasanya majoriti responden menyatakan kaedah al-tikrar ini dapat meningkatkan daya ingatan kanak-kanak terhadap doa harian mereka. Hal ini demikian terbukti dengan hasil pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap kanak-kanak selama 4 minggu melakukan aktiviti bacaan secara berulang kali sehingga kanak-kanak dapat mengingati doa yang dihafal, dibaca dan diulangi dengan jelas dan betul tanpa melihat ayat.

Manakala item yang mempunyai nilai sederhana adalah item 4 iaitu nilai min 4.45 (S.P-0.90) dimana kaedah al-tikrar dapat membantu meningkatkan penguasaan kanak-kanak dalam sebutan makhraj. Berdasarkan kekerapan responden didapati majoriti menjawab sangat setuju iaitu 84 responden bersamaan 60.0%. Pada item ini juga terdapat responden yang menjawab sangat tidak setuju dengan 4.3% bersamaan 6 responden. Hasil pemerhatian yang dilakukan sepanjang melakukan quasi eksperimen, pengkaji mendapati terdapat kanak-kanak

yang boleh memperbetulkan sebutan apabila mereka melakukan bacaan secara berulang-ulang dengan berpasangan. Hal ini demikian kerana pasangan mereka memperbetulkan bacaan agar membaca dengan betul.

Sehubungan itu, nilai min paling rendah adalah item 7 iaitu sebanyak 4.44 (S.P – 0.96) kaedah al-tikrar seringkali dilaksanakan setiap sesi pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak. Peratusan bagi sangat setuju adalah 54.3% iaitu seramai 76 responden. Peratusan bagi setuju pula adalah 34.3% bersamaan 48 responden. Ada juga responden menjawab dengan tidak pasti dan tidak setuju dengan soalan yang diberikan. Oleh itu, melalui jawapan sangat tidak setuju terdapat 5 orang dengan peratusan 3.6%. Ini menunjukkan bahawa kaedah al-tikrar ini tidak selalu dilaksanakan setiap sesi pengajaran dan pembelajaran.

## PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

### Tahap Penguasaan Kanak-Kanak Dalam Membaca Doa Harian

Kajian ini dilaksanakan adalah untuk memberi pendedahan kepada kanak-kanak terhadap doa harian mereka. Seperti mana yang terdapat dalam firman Allah yang bermaksud:

*“Setiap manusia perlulah memohon perlindungan daripada Allah agar semasa engkau membaca Al-Quran dilindungi daripada hasutan Syaitan yang kejam”*  
*(Surah al-Nahl:98).*

Persoalan kajian pertama ini membincangkan mengenai tahap penguasaan kanak-kanak terhadap doa harian mereka. Perkara ini merujuk kepada ujian pretest yang dilakukan sebelum kanak-kanak melakukan quasi eksperimen. Ujian pretest ini kanak-kanak perlu membaca ali, ba, ta dengan menggunakan baris atas, bawah dan depan. Hal ini demikian kerana untuk mengetahui dan menilai tahap kebolehan dan kefahaman kanak-kanak untuk menggunakan baris di dalam ayat. Selain itu, kanak-kanak juga akan diminta untuk membaca doa harian yang diketahui dengan kuat dan jelas. Hasil dapatan kajian yang diperolehi melalui ujian pretest, pengkaji mendapati terdapat kanak-kanak mengenali huruf hijayyah dan penggunaan baris akan tetapi tidak boleh membaca dengan lancar doa harian mereka dengan peratusan 4.2%. Namun kanak-kanak yang boleh membaca dengan lancar adalah seramai 75%. Hal ini membuktikan bahwasanya kanak-kanak sudah mengetahui bacaan huruf menggunakan baris dengan makhraj yang betul dan secara tidak langsung mereka sudah menguasai bacaan doa harian seperti doa sebelum dan selepas makan, doa masuk dan keluar tandas dan doa menaiki kenderaan.

Kajian yang dijalankan ini adalah selari dengan kajian (Azizah Zain, 2010) dimana penggunaan quasi eksperimen membantu pengkaji untuk mengumpul data dan secara tidak langsung dapat mengenal pasti tahap penguasaan dan kebolehan kanak-kanak dalam bacaan mereka terutama bacaan doa harian.

### Tahap Penguasaan Hafazan Kanak-Kanak Membaca Doa Harian Dengan Menggunakan Kaedah Al-Tikrar

Persoalan kedua adalah merujuk kepada tahap penguasaan kanak-kanak membaca doa harian dengan menggunakan kaedah al-tikrar. Persoalan kedua ini dilakukan dalam bentuk quasi eksperimen dimana kanak-kanak dibahagikan kepada dua kumpulan mengikut postest yang dilakukan. Hasil dapatan kajian daripada penilaian selama 4 minggu dan postest, dapat dilihat dengan mata kasar bahwasanya kanak-kanak yang berada di kumpulan rawatan (kaedah altikrar) menunjukkan peningkatan dan perubahan yang ketara pada setiap minggu. Hal ini demikian dapat dibuktikan bahawa kanak-kanak boleh mengingati dan membaca doa harian dengan lancar tanpa melihat ayat dengan mudah apabila mereka melakukan bacaan secara berulang-ulang kali selama 4 minggu.

Dapatan kajian ini disokong oleh (Ibnu Khaldun), pengajaran dan pembelajaran pada peringkat pertama kanak-kanak masih lagi tidak memahami namun perlulah diajar dan dilakukan secara berulang-ulang agar kanak-kanak dapat memahami dan menguasai dengan

lebih baik. Secara tidak langsung melalui kaedah ini dapat meningkatkan kefasihan, kefahaman dan kelancaran kanak-kanak terutama dalam bacaan seperti bacaan doa harian mereka. Penggunaan kaedah al-tikrar ini adalah bersesuaian dengan teori yang dipilih iaitu teori skemata dan teori kecerdasan pelbagai. Dalam teori skemata, piaget mendefinisikan bahawasanya struktur kognitif individu adalah suatu perkara yang penting dimana ia membantu pembaca untuk memahami bacaan yang dibaca dengan lebih jelas. Namun, teori kecerdasan pelbagai juga mendasari dengan persoalan kajian kedua. Melalui hafazan kanak-kanak yang menggunakan kaedah al-tikrar ini dapat membantu mereka untuk mengaplikasikan setiap bacaan doa harian mereka melalui aktiviti yang menyeronokkan di dalam setiap sesi pengajaran dan pembelajaran. Dalam kajian Norizah Tukiman et.al (2014) menyokong sekiranya bacaan berulang-ulang ini diaplikasikan dengan pelbagai kaedah sehingga mendatangkan aktiviti yang menyeronokkan. Hal ini demikian kerana kanak-kanak dapat mengingati sesuatu melalui aktiviti yang menyeronok dan menarik minat mereka untuk membaca secara memahami dan lebih jelas.

### **Pandangan Guru Tentang Keberkesanan Kaedah Al-Tikrar Dalam Mengajar Bacaan Doa Harian**

Persoalan kajian yang ketiga adalah merujuk kepada pandangan guru tentang keberkesanan kaedah al-tikrar dalam mengajar bacaan doa harian. Berdasarkan kepada soal selidik yang diedarkan kepada guru-guru yang mengajar di peringkat awal persekolahan kanak-kanak didapati majoriti guru sangat setuju dengan kaedah al-tikrar ini dapat meningkatkan daya ingatan kanak-kanak terhadap bacaan terutama bacaan doa harian mereka. Hasil dapatan ini disokong oleh Teori Skemata Piaget yang mana dalam kajian Dra, Lilis Siti Sulistyaniingsih, M.Pd. ada menyatakan bahawa skema adalah suatu perkara yang penting kepada pembaca kerana ia membantu memahami, mengingati dan menghubungkan sesuatu bacaan dengan pengalaman. Jelaslah bahawa melalui kaedah al-tikrar ini kanak-kanak dapat memahami dan menghubungkan doa harian yang dibaca dengan pengalaman dan kehidupan mereka sehari-hari. Melalui pemerhatian yang dilakukan kepada kanak-kanak selama 4 minggu dengan menggunakan kaedah yang ditetapkan, pengkaji mendapati kanak-kanak yang menggunakan kaedah al-tikrar dapat membaca doa harian tanpa melihat ayat dengan jelas dan secara tidak langsung mereka dapat membaca secara berirama dan kuat. Berbanding dengan kanak-kanak yang menggunakan kaedah pengajaran biasa selama 4 minggu mereka masih belum menguasai bacaan doa harian yang mudah dengan betul dan jelas. Hal ini demikian menunjukkan bukti bahawasanya penggunaan kaedah al-tikrar dalam pengajaran dan pembelajaran amatlah bersesuaian sekiranya ia diterapkan dengan pelbagai cara yang lain seperti berirama, berpasangan dan hafalan. Buktinya di dalam kajian Norizah Binti Tukiman et.al (2014) menyatakan pendekatan yang berirama ini dapat menunjukkan peratusan yang positif yang mana kanak-kanak dapat menghafal doa-doa harian mereka dengan jelas, kreatif dan kreativiti.

### **IMPLIKASI KAJIAN**

Seperti mana yang kita ketahui, doa harian merupakan salah satu fokus dalam tunjang kerohanian, nilai dan estetika di dalam Kurikulum Standard Prasekolah (KSPK). Namun, sebagai seorang guru haruslah memastikan bacaan doa harian kanak-kanak dilaksanakan dan diajar pada setiap hari agar guru dapat memantau tahap penguasaan kanak-kanak terhadap bacaan doa harian mereka dengan lebih jelas dan baik menggunakan kaedah al-tikrar. Dengan melakukan penilaian dan pemerhatian secara berterusan ini kemungkinan dapat membantu guru menyediakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih baik agar kanak-kanak dapat menguasai, mengingati, memahami dan minat untuk membacanya.

Sehubungan itu, kaedah al-tikrar ini bukan sahaja dilaksanakan kepada kanak-kanak yang menguasai kemahiran membaca malah seharusnya dilakukan kepada kanak-kanak yang mempunyai masalah bacaan dan mengenal huruf. Hal ini dapat dibuktikan dengan pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap kanak-kanak yang pelat dan tidak mengenal huruf.

Selama 4 minggu kajian ini dilaksanakan kanak-kanak tersebut dapat membaca, mengenal dan menguasai doa harian yang diberikan dengan jelas dan tanpa melihat buku. Ini menunjukkan bukti bahwasanya penggunaan kaedah al-tikrar ini dapat membantu kanak-kanak yang mempunyai masalah untuk menguasai bacaan mereka dengan lebih baik dan positif.

## **CADANGAN KAJIAN LANJUTAN**

Terdapat beberapa cadangan terhadap kajian yang dijalankan. Antaranya ialah pihak universiti haruslah melakukan dan menganjurkan aktiviti yang melibatkan bacaan secara berulang-ulang seperti mengadakan kempen Mari Membaca, Mari Bercerita dan bersesuaian dengan kanak-kanak. Hal ini demikian berkemungkinan melalui kempen yang dilaksanakan dapat membantu kanak-kanak yang mempunyai masalah dalam membaca, mengenal huruf dan memahami petikan dengan lebih jelas dan baik. Dengan adanya kempen ini juga pihak universiti boleh melakukan penilaian terhadap aktiviti yang dilakukan selama beberapa hari kerana bacaan berulang kebiasaan dilakukan paling kurang selama seminggu.

Selain itu, pihak sekolah juga perlulah memberi sokongan kepada kanak-kanak prasekolah terutamanya dengan melibatkan diri dalam aktiviti membaca. Pihak sekolah juga boleh menerapkan penggunaan kaedah al-tikrar ini dengan pelbagai cara yang lain lagi seperti belajar sambil bermain, pendekatan berpusatkan bahan, bacaan secara berirama, bacaan secara hafalan dan lain-lain. Hal ini demikian kerana melalui cara yang dinyatakan berkemungkinan dapat menarik minat kanak-kanak untuk membaca petikan, ayat, buku cerita dan lain-lain secara sukarela dan secara tidak langsung kanak-kanak dapat mengaitkan dengan persekitaran dan pengalaman mereka tersendiri.

Sehubungan itu, guru pelatih seharusnya meningkatkan kemahiran dan tahap pengetahuan mereka tentang penggunaan kaedah al-tikrar ini. Melalui kemahiran yang terdapat pada guru pelatih dapat dilaksanakan dan diaplikasi dengan lebih baik. Guru pelatih yang berkemahiran dan mempunyai idea untuk membentukkan sesuatu yang baharu bagi membantu kanak-kanak meningkatkan bacaan mereka adalah sangat digalakkan dan dilakukan. Kebiasaannya guru pelatih didedahkan kepada beberapa cara, teknik dan kaedah untuk menarik minat kanak-kanak membaca selain daripada melakukan bacaan berulang bagi membantu meningkatkan bacaan kanak-kanak sebelum mereka menjelak kaki ke alam sekolah rendah. Disamping itu, pihak ibubapa perlulah menitikberatkan tentang penguasaan kanak-kanak terhadap bacaan mereka. Anak-anak bukan hanya belajar di tadika atau taska sahaja malah anak-anak juga perlu diberi perhatian semasa berada di rumah. Ibubapa merupakan orang yang paling hampir dengan mereka. Oleh itu, ibubapa seharusnya mengambil masa dengan melakukan aktiviti bacaan bersama anak-anak agar membantu mereka untuk mengenal huruf dan petikan dengan lebih pantas.

## **KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, kemahiran membaca sangat penting untuk dikuasai oleh kanak-kanak kerana melalui pembacaan mereka dapat meningkatkan pencapaian mereka dalam pelajaran, meluaskan pengalaman dan pengetahuan, mencari dan mengumpul maklumat-maklumat yang diperlukan. Melalui kemahiran membaca ini, kanak-kanak dapat mengenal huruf hijaiyah, kalimah Allah, dan ayat-ayat al-Quran yang pendek. Secara tidak langsung membuka minda kanak-kanak untuk mengaitkan ayat-ayat tersebut dengan dunia persekitaran mereka. Namun, melalui kaedah al-Tikrar ini dapat membantu perkembangan kanak-kanak dan meningkatkan rasa ingin tahu kanak-kanak terhadap kegiatan membaca mereka. Kaedah al-Tikrar ini sering digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dan hafalan al-Quran. Berdasarkan kajian lepas membuktikan kaedah al-Tikrar ini adalah bersesuaian dengan pengajaran hafalan ayat-ayat suci al-Quran. Hal ini demikian kerana, pada zaman nabi dan para ulama telah menggunakan kaedah ini untuk bacaan dan hafalan mereka. Namun, secara tidak

langsung melalui bacaan doa yang dibaca oleh kanak-kanak dapat mereka menghubungkaitkan dengan pengetahuan dan pengalaman mereka.

Kaedah al tikrar dalam membantu penguasaan membaca doa harian dalam kalangan kanak-kanak tadika berada pada tahap yang baik berdasarkan kepada dapatan kajian yang diperolehi. Kaedah al-tikrar ini dapat meningkatkan daya ingatan kanak-kanak terhadap bacaan yang dibaca sehingga mereka dapat membaca tanpa melihat ayat dan mengaitkan dengan pengetahuan dan persekitaran mereka. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa secara puratanya quasi eksperimen yang dilaksanakan selama 4 minggu membuktikan kanak-kanak berjaya mengingati doa harian mereka dengan betul dan jelas.

## RUJUKAN

- Azizah, N. (2019). Interpretasi Mufassir terhadap Tikrar kisah nabi Adam dalam Al-qur'an (Doctoral dissertation, UIN Sunan Ampel Surabaya).
- Malaysia, K. P. (2016). Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan 2017. Putrajaya, Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Mohamed Isa, Z. (2019). The Use of the Storybook Stages and Its Effect On The Appearance of Children's Literacy (1 - 23). *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 3(1), 1-23. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPB/article/view/2390>
- Tukiman, N. B. (2017). Peningkatan kemahiran menghafaz surah dan doa kanak-kanak prasekolah melalui pendekatan berasaskan teori kecerdasan pelbagai. O-JIE: *Online Journal of Islamic Education*, 2(1).
- Zain, A. (2010). Penggunaan bacaan berulang dapat mempertingkatkan kelancaran dan kefahaman dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. In Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education; *Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia, 8–10 November 2010, (November)* (pp.311-320).
- Isa, Z. M., & Hamid, N. A. A. (2012). PARENTAL ROLE IN ENSURING THE ACHIEVEMENT OF LITERACY PRESCHOOL CHILDREN WHILE BEING AT HOME (60-69). *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 5, 60-69.